

25 NOV 2003

Abdullah-MIC

ABDULLAH MINTA MIC DAN IPF TIDAK SALING TUDUH MENUDUH

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta MIC dan parti Barisan Kemajuan India Se-Malaysia (IPF) tidak saling tuduh menuduh kerana perbuatan itu tidak akan membawa sebarang kebaikan kepada kedua-dua parti.

"Kita tak suka melihat adanya tuduh menuduh seperti ini. IPF lihat kepada MIC sebagai menghalang kepada usahanya untuk menyertai BN tapi kalau tuduh menuduh ini berterusan, dia tidak membawa kepada apa-apa kebaikan untuk kedua-dua parti.

"Yang penting kita mahu supaya lama-kelamaan (kedua-dua) parti itu saling hormat menghormati sesama mereka... itu pandangan saya," katanya di sidang media di rumah terbuka Hari Raya Perdana Menteri di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

"Saya tak tahu macam mana nak selesai masalah itu pada waktu ini. Saya tidak mahu menjanjikan apa-apa...saya tidak menjanjikan apa-apa mengenai kedua-dua parti ini," kata Abdullah apabila ditanya sama ada beliau akan campurtangan untuk menyelesaikan masalah antara kedua-dua parti itu.

Kedua-dua parti itu sejak awal bulan ini terlibat dalam perbalahan dengan satu pihak menuduh yang satu lagi melakukan kesalahan dan di sebaliknya.

Masalah terbaru antara kedua-dua parti masyarakat India bermula apabila presiden IPF Datuk M.G.Pandithan meminta presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu supaya berundur bagi memberi laluan kepada timbalannya Datuk S.Subramaniam.

Ini menurut Pandithan akan membuka laluan bagi IPF, satu kumpulan serpihan MIC, untuk menyertai Barisan Nasional (BN) memandangkan Samy Vellu merupakan penghalang kepada usaha IPF menganggotai BN.

Samy Vellu yang tidak mahu ketinggalan, mendedahkan muslihat Pandithan dengan berkata pemimpin IPF itu telah berbohong kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Yang di-Pertuan Agong apabila beliau mengutuskan surat yang menyatakan A. Athi Kumanan adalah timbalan presiden parti itu.

Sebenarnya Athi masih belum menerima jawatan berkenaan pada masa itu apabila surat itu diutuskan untuk meminta satu darjah kebesaran baginya.

Pertelagahan itu berterusan antara kedua-dua parti dengan akhbar-akhbar bahasa Tamil digunakan oleh kedua-dua pihak untuk mengecam satu sama lain.

-- BERNAMA

SR RV PR